

27 November 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Semula Persijilan RSPO bagi Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU 7) Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong dan Ladang Sawit, Kapar, Selangor, Malaysia

Sime Darby Plantation Berhad dengan keanggotaan RSPO No: 1-0008-04-000-00 telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian persijilan ulang RSPO terhadap Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong dan ladang-ladanginya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas satu (1) Kilang Kelapa Sawit dan dua (2) ladang sawit yang terletak di Kapar, Selangor, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan penilaian ulang persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong dan ladang-ladanginya pada 04^{hb} - 07^{hb} Januari 2021. Proses penilaian sertifikasi ulang akan dilakukan sesuai dengan persyaratan Malaysia National Interpretation (MYNI) 2019 of the RSPO Principles & Criteria 2018 for Sustainable Palm Oil Production (Intepretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) 2019 daripada RSPO Prinsip & Kriteria 2018 untuk pengeluaran minyak sawit mampan). Penilaian akan merangkumi aspek undang-undang, lingkungan, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja, mill supply chain, isu-isu sosial dan ketenagakerjaan serta perbaikan berkelanjutan sesuai persyaratan MYNI. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong dan Ladang - Ladangnya	
Nama Kilang	Strategic Operating Unit (SOU 7) Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong
Kapasiti Kilang (MT/jam)	30 MT/jam
Lokasi	Kapar, Selangor, Malaysia
Alamat	Bukit Kerayong Road, 42200 Kapar, Selangor, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	003° 11' 12.7" N ; 101° 22' 29.6" E
Pengeluaran CPO (Anggaran 2021)	26,467.03 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2021)	6,471.19 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2021)	132,335.17 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan (Ha)	Anggaran Keluaran FFB (MT)
Bukit Kerayong	003° 10' 31.3" N 101° 21' 00.5" E	2,301.95	495.81	3,012.06	67,600.00
Bukit Cheraka	003° 13' 38.6" N 101° 22' 01.7" E	2,868.16	520.54	3,647.62	64,735.17
Total		5,170.11	1,016.35	6,659.68	132,335.17

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO. BSI Malaysia adalah anak syarikat kepada BSI Group yang merupakan pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. BSI Group adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom. BSI Services Malaysia Sdn Bhd Malaysia mempunyai pejabat urusan di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian semula di Kilang Kelapa Sawit Bukit Kerayong dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

Nama dan peranan	Aspek diliputi masa penilaian
Hu Ning Shing Ketua Juruaudit	Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantaian bekalan untuk kilang sawit
Valence Shem Ahli Audit	Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit
Muhammad Fadzli Masran Ahli Audit	Keselamatan & kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantaian bekalan untuk kilang sawit

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: Emel:

Alamat: Nombor Telefon:

..... Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North Tower
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan, Malaysia
Faks : +603 9212 9639
Emel : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN / ATAU

Auditee:

Mdm. Shylaja Devi Vasudevan Nair
Sime Darby Plantation Berhad
Level 5, Main Block, Plantation Tower
No. 2, Jalan PJU 1A/7
47301 Ara Damansara
Selangor, Malaysia
Faks : +603 7848 4356
Emel : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim Makanan Global (Pertanian)